

## ULASAN BUKU



### Patriotisme Nordin Kardi

Kedah: Changlun Brilliant Centre, 2020.

ISBN 9789671715413

## ULASAN

Buku bertajuk "Patriotisme Nordin Kardi" ini disusun oleh Dr. Zainuddin Omar dan Kori Ariff. Buku ini mengandungi lima bab yang secara khususnya menghimpunkan perihal artikel-artikel Tan Sri Dr. Nordin Kardi juga dikenali sebagai Pak Din mendefinisikan patriotisme kepada negara melalui penulisan dan ucapan beliau. Bagaimana Dr. Nordin menjelaskan dari bab ke bab berkaitan tulisan beliau dengan erti nasionalisme dan patriotisme perlu didalami oleh setiap pembaca. Bagaimana beliau melihat semangat nasionalisme dan patriotisme dari sudut pandang beliau melalui tulisan-tulisan di surat khabar, ucapan beliau dan di laman sosial. Buku ini merupakan sebuah koleksi tulisan, ucapan, temu bual dan ceramah yang diambil dari pelbagai sumber yang menyentuh empat komponen negara termasuk hal berkaitan wilayah, rakyat, pemerintah dan kedudukan.

Buku ini dibahagikan kepada lima bab yang dimuatkan dengan bab pertama yang menyentuh teori patriotisme, nasionalisme dan kaitan dengan negara. Dalam bab

ini menjelaskan apa itu nasionalisme, demokrasi dan nilai moral secara teori yang dikupas daripada pemahaman Dr. Nordin sebagai watak utama dalam buku ini. Beliau menerangkan hubungkait antara ketiga-tiga komponen dengan keutamaan pendidikan negara, nilai moral, agama dan perlembagaan dalam membentuk sebuah negara merdeka.

Bab kedua pula menghuraikan masalah dan penawar untuk kekuatan bangsa Malaysia. Bab ini menyentuh berkaitan masyarakat Malaysia yang cemerlang. Bagaimana membentuk sesebuah masyarakat yang cemerlang melalui pembentukan graduan muda yang dinamik, perubahan transformasi, profesionalisme, globalisasi dan penguasaan teknologi serta penguasaan ekonomi.

Melalui bab tiga dan bab empat pula, pembaca disajikan tulisan-tulisan Dr. Nordin berkaitan isu-isu kenegaraan yang berbangkit dari semasa ke semasa serta aspek penting patriotisme iaitu kepimpinan. Beliau juga menyentuh pelbagai isu politik, Raja-Raja Melayu, pemerintah, NGO, hubungan luar dan pemerkasaan mahasiswa dalam politik. Walaupun Dr. Nordin bukan seorang ahli politik, beliau bukanlah seorang yang buta politik. Terdapat beberapa tulisan beliau berkaitan politik dimuatkan dalam bab ini yang menyentuh mengenai UMNO dan bagaimana untuk memudahkan kembali UMNO yang ditulis oleh Dr. Nordin pada tahun 2018.

Dr. Nordin sebagai mantan Ketua Pengarah Biro Tatangera (BTN) dari tahun 1995 hingga 2005 selalu diasosiasikan dengan BTN. Dalam bab lima, beliau banyak membincangkan dalam artikel beliau berkaitan dengan BTN. Bagi Dr. Nordin, BTN adalah organisasi yang tidak boleh dipisahkan dengan patriotisme walaupun badan tersebut sudah tidak ada lagi pada masa kini. Buku ini ditutup dengan satu ucapan terakhir Dr. Nordin kepada kakitangan BTN pada pertengahan tahun 2005 apabila beliau telah dilantik sebagai Naib Canselor UUM. Ucapan beliau yang bertajuk “Belajar Terus Belajar” menjadi sumber motivasi kepada pelajar supaya menjadi pelajar seumur hidup. Kebanyakan ucapan Dr. Nordin bersifat universal dan sesuai untuk semua golongan.

Buku ini amat sesuai dibaca oleh semua peringkat masyarakat yang sayangkan negara. Para pembaca boleh memahami idealogi Dr. Nordin melalui tulisan-tulisan beliau yang telah dibukukan ini. Idea-idea Dr. Nordin yang selama ini kabur dan selalu disalah tafsir seumpama idea ketuanan Melayu. Pembaca boleh membaca secara kronologi bermula dari bab 1 hingga penutup atau memilih artikel-artikel yang diminati oleh pembaca dalam bab berkenaan pada satu masa untuk dijadikan sebagai bacaan santai mahupun sebagai pencetus idea kepada semangat patriotisme yang mendalam terhadap negara Malaysia. Diakhir buku ini tertinta kemas puisi patriotik Nordin Kardi yang bertajuk “Warisan” untuk bacaan semua pembaca.

Pengulas


**Adam Zulkarnain Saleng**

Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan (BPP)

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



NURUL NORIZAH

### Malaikat berbaju merah

Shah Alam, Selangor: Norizah Yaakub, 2019.

ISBN 978967656303

## ULASAN

Buku ini berkisar tentang pengalaman penulis semasa ke Tanah Suci mengerjakan umrah dan haji. Kisah-kisah yang dilalui di Tanah Suci, suka duka, bahagia, cemas, takut, seronok, tenang, teruja dan bermacam lagi. Kisah dan pengalaman yang dilalui mencetus kembara dan bicara hati dari posisi yang boleh memberi manfaat kepada semua pembaca. Terdapat 12 pengalaman yang dilalui oleh penulis dan beberapa tip keperluan haji dan umrah untuk panduan pembaca.

**Malaikat Berbaju Merah** memaparkan pengalaman pertama yang dialami oleh penulis. Penulis yang datang bulan ketika itu, telah diamanahkan oleh seorang perempuan untuk menjaga anaknya yang sedang tidur untuk mengerjakan tawaf sewaktu berada di Tanah Suci Mekah. Seketika kemudian, anak itu menangis sekuat hati dan kerana panik seorang pembantu hotel telah membantu membawa budak tersebut mengerjakan Saie dengan harapan anak itu akan diam. Bimbang akan hal itu, penulis mengekori pembantu hotel tersebut bersama anak kecil masuk ke kawasan tembok sempadan antara tempat Saie dan kawasan dalam

masjid. Penulis memakai baju merah dan berada dalam kalangan jutaan Jemaah lain yang rata-rata memakai hanya putih atau hitam sahaja. Walaupun suaminya nampak penulis di sana tapi dianggapnya ujian atau pelanduk dua serupa. Namun akhirnya kanak-kanak itu diam dan terlena dalam dakapan pembantu hotel tadi. Ujian yang dialami betul-betul menguji kekuatan dan ketabahan yang akhirnya penulis dikurniai cahaya mata sebulan selepas kembali ke tanahair.

**Perempuan tua di Hajarul Aswad.** Keinginan yang membuat-buak membuatkan penulis nekad untuk mencium Hajarul Aswad. Dek asakan Jemaah yang berbagai bangsa dan saiz badan, penulis ditolak ke kiri dan ke kanan. Suami yang menemani untuk membantu pun hilang entah ke mana. Dengan kuasa Allah s.w.t dan pertolonganNya keinginan itu telah tertunai. Doa dan mohon bantuanNya nescaya yang payah akan jadi mudah.

**Kurma Ajwa.** Dalam perjalanan ke Madinah ada banyak tempat yang dilawati dan salah satunya ialah ladang kurma. Ustaz Dasuki banyak menceritakan pengalaman dan kelebihan kurma. Kurma Ajwa adalah merupakan kurma terbaik dan ditanam sendiri oleh Rasulullah s.a.w di tanah berhampiran Masjid Quba.

**Datang bulan.** Peristiwa ini terjadi pada umrah kedua penulis. Oleh kerana terlalu menjaga kitaran haid dengan makan ubat dan buah yang boleh mempercepatkan datang haid namun aturan Allah itu adalah lebih baik. Sampai di Mekah haid itu datang. Tapi dengan kuasa Allah jua ia berakhir selama 5 hari sahaja. Umrah nazar penulis dapat dipenuhi jua. Oleh itu, kita hendaklah berdoa dan meletakkan harapan kepada Allah atas sebarang ikhtiar yang kita lakukan. Kita merancang, Allah menentukan.

**Penjaga kasut di pintu masjid.** Pada umrah pertama penulis menjadi penjaga anak kecil. Umrah kedua penulis diduga lagi menjadi penjaga kasut di pintu masjid pula. Penulis bertungkus lumus menyelamatkan kasut Jemaah yang dibuang oleh pekerja pembersihan untuk menjamin Masjidil Haram bersih dan kemas. Itulah dugaan, walau dalam uzur penulis dapat juga beribadah walaupun dengan hanya menjaga kasut Jemaah lain.

**Jemputan VVIP.** Kali ini penulis mengisahkan pengalaman sebagai Jemaah VVIP semasa mengerjakan ibadat haji. Berangkat dari Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya ke lapangan terbang dengan diiringi siren polis dan segalanya diberikan keutamaan. Allhamdulillah, doa kami diterima setelah berbagai rayuan dan usaha dibuat. Niat, doa dan bulatkan keyakinan kepada Allah, Insya Allah akan dimakbulkanNya.

**Al-Ma'tsurat.** Ia merupakan buku kecil yang mengandungi wirid dan doa-doa harian yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w setiap pagi dan petang. Buku ini dibawa dan disedekahkan kepada para Jemaah. Bentuk buku yang comel dan berwarna warni ini memberikan tarikan pada semua. Tambahan pula senang untuk dibawa ke mana-mana. Doanya mudah difahami maknanya mudah meresap ke jiwa.

**Mati di Mekah.** Kita tidak boleh lari dari kematian. Ia pasti datang. Terima, berserah dan lepaskan segalanya pada Allah maka hilanglah segala penderitaan dan ketakutan. Penulis sekali lagi diduga. Dugaan sakit sudah bertahun lamanya. Datang dan pergi. Namun, pada hari sebelum berangkat untuk wukuf di Arafah, penulis diduga dengan sakit jantung. Hidup dan mati di tangan Allah, sekiranya tiba ajal, tidak akan dicepatkan atau dilambatkan walau sesaat. Dengan kuasa Allah penulis kembali sihat setelah dibawa ke klinik milik Tabung Haji dan dapat meneruskan pengembalaan suci ke Arafah.

**Arafah yang basah.** Bermulalah perjalanan ke Arafah pada malam 7 Zulhijjah. Dugaan datang lagi dengan curahan hujan lebat. Penulis dan Jemaah lain kebasahan. Namun, semua dugaan itu dapat diatasi dengan berdoa padanya sehinggalah selesai wukuf dan bertolak ke Muzdalifah.

**Bisikan syaitan di Muzdalifah.** Bisikan ini menghantui penulis. Tetiba penulis menjadi keliru dengan apa yang dilakukannya. Perbuatan mengutip batu untuk melontar didatangi dengan bisikan yang mengganggu fikiran. Akhirnya penulis membiarkan suaminya sahaja yang menguruskannya kerana terganggu dengan

bisikan tersebut. Syaitan adalah musuh yang nyata dan sentiasa berusaha untuk menyesatkan anak Adam.

**Langit.** Matahati terik berwarna jingga menarik minat penulis. Hati dan perasaan yang sedih terubat apabila memandang langit yang tetiba muncul cahaya panjang seolah-olah meredakan kesedihan pada masa itu.

**Suite di Zam-Zam.** Pernah terlintas di hati penulis untuk menginap di salah satu Suite di Zam-Zam sebelum tiba di Mekah. Tapi kerana kurang sumber kewangan penulis hanya memilih bilik yang sesuai untuk keluarganya di sana. Penulis menyewa bilik berdua bersama suami dan anak-anak bersama ibu di bilik keluarga. Rezeki Allah tak siapa yang tahu, bilik suite yang diidamkan dapat dinikmati kerana bilik yang di tempah telah penuh. Sesungguhnya sentiasalah berbaik sangka dengan Allah, rezeki yang datang tanpa diduga.

Berbagai pengalaman manis dan pahit dialami penulis semasa berada di Tanah Suci tetapi berkat kesabaran menempuh segala ujian, semua itu dapat diatasi. Ia menjadi satu kenangan indah buat penulis. Tips dan keperluan haji serta senarai semak juga ditulis di dalam buku ini dan merupakan panduan yang sangat baik kepada sesiapa sahaja. Membaca buku ini seolah-olah kita juga berada di sana.

Pengulas

**Aida Enaezlia Ali**

Penolong Pustakawan Kanan  
Bahagian Pembinaan Koleksi  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



ZAINI UJANG

**Membaca: Motivasi dan Kaedah**

Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku

Malaysia Berhad, 2019.

ISBN 9789674608378

## ULASAN

Buku ini merupakan sebuah buku panduan dan galakan untuk membaca dengan betul dan efektif. Masyarakat hari ini dilihat kurang membudayakan aktiviti membaca, lantas ia ditulis dengan harapan supaya pembaca dapat memupuk tabiat membaca dalam kehidupan seharian dan meningkatkan tahap pembacaan individu. Pengarang menulis buku ini pertama kali pada tahun 1993, sebelum karangannya dikemas kini dan diterbit semula dengan edisi kedua pada tahun 1995. Edisi ketiga pada tahun 2019 diterbitkan dengan wajah baru selepas mendapat galakan dan respons positif daripada pembaca. Edisi ketiga ini mempunyai empat tema perbincangan utama serta turut memuatkan puisi-puisi pengarang yang berpusar sekitar tema membaca, ilmu dan peradaban.

Tema pertama dalam tiga bab pertama membincangkan tentang masyarakat membaca. Bab pertama membincangkan tentang makna membaca yang mempunyai pelbagai tafsiran. Berdasarkan kajian pada tahun 1993, secara puratanya rakyat Malaysia hanya membaca satu halaman buku setahun. Masalah membaca yang menyumbang kepada perkara berkenaan termasuklah tidak menghargai tabiat membaca dan membaca hanya untuk kepentingan kerjaya.

Bagaimana pun, kerajaan ternyata menyedari masalah berkenaan yang membawa kepada penubuhan program-program kesedaran membaca. Bab kedua pula memberi motivasi kepada pembaca bahawa dengannya, nilai kehidupan akan meningkat. Mitos tentang membaca seperti membaca itu sukar dan membosankan telah dibincangkan dalam bab ketiga yang memberi kesedaran bahawa tabiat membaca adalah fleksibel dan menarik.

Tema perbincangan yang kedua yakni persediaan dalam membaca meliputi tiga bab berikutnya iaitu memahami tabii pembacaan, masa yang sesuai untuk membaca dan rintangan dalam membaca. Bab keempat berkenaan membekalkan pembaca dengan gambaran tentang ciri-ciri pembaca yang baik, objektif membaca, jenis-jenis bahan bacaan serta tempat yang sesuai untuk membaca. Oleh itu, pembaca dapat menilai dan membaiki aspek tersebut semasa membaca. Bab seterusnya menyarankan pembaca supaya membuat jadual harian yang sesuai dengan status diri sama ada seorang pekerja atau pun pelajar. Aktiviti membaca juga boleh dilakukan dalam kedua-dua waktu lapang dan senggang dengan membezakan tujuan dan bahan bacaan yang sesuai. Dalam bab keenam, pembaca akan mengetahui halangan yang menyukarkan tabiat membaca seperti rintangan diri dan kemahiran membaca yang berbeza. Hanya dengan mengetahui masalah yang dihadapi, barulah ia dapat diatasi dengan berkesan.

Tema yang ketiga iaitu teknik membaca akan mendedahkan kaedah membaca yang pelbagai dalam bab tujuh dan kaedah membaca pantas dalam bab lapan. Kaedah membaca adalah berbeza mengikut tujuan dan jenis bahan bacaan. Ia adalah penting kerana kaedah membaca merupakan alat bagi mencapai tujuan membaca. Pembaca yang mahir tidak perlu membaca setiap patah perkataan bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki sebaliknya cukup dengan kaedah membaca yang tepat. Bab kelapan pula menerangkan dengan lebih mendalam tentang teknik membaca dengan pantas seperti hanya dengan melarikan mata di tengah halaman sahaja untuk membaca keseluruhan ayat. Tema ketiga ini penuh dengan latihan supaya pembaca dapat mencuba sendiri kaedah yang diajarkan sehingga mahir.

Tema yang terakhir meliputi cadangan tentang kaedah menghayati tabiat membaca seperti membentuk kumpulan pembaca dan mewujudkan perpustakaan keluarga. Tabiat membaca perlu diasosiasikan dalam masyarakat dan keluarga supaya dapat dihayati dan dikekalkan momentumnya. Bab kesepuluh pula membincangkan penggunaan konsep yang dibincangkan dalam bab empat dan bab tujuh iaitu tentang jenis bahan bacaan dan kaedah membaca. Dalam bab ini, pengarang membahagikan pembaca kepada lima jenis tahap yang sekaligus menunjukkan tujuan bacaan setiap golongan berkenaan. Sebagai contoh, tahap yang pertama ialah tahap pembacaan pelajar atau pembaca umum yang membaca untuk mengetahui asas ilmu. Sementara itu, tahap yang kelima pula ialah tokoh ilmu yang membaca untuk menjana idea dan ilmu baharu. Penting bagi pembaca untuk mengetahui tahap pembacaan masing-masing supaya dapat disesuaikan dengan bahan bacaan dan kaedah yang paling efektif untuk diamalkan.

Sebagai kesimpulan, pengulas mencadangkan supaya semua peringkat masyarakat didedahkan dengan buku ini sama ada melalui bacaan, perkongsian ulasan mahupun sesi bedah buku. Penerangan melalui jadual, gambar rajah, reka bentuk yang menarik serta diselit dengan puisi pendek bakal memukau para pembaca. Penulisannya juga banyak disertakan dengan nama-nama buku dan penulis terkemuka tanah air dan antarabangsa, yang tengannya boleh memberi cadangan bahan bacaan kepada pembaca. Dengan topik menyeluruh yang dibincangkan bermula dengan mitos tentang membaca sehingga kehadiran pengalaman pengarang membaca buku, ia tidak dapat tidak menjadi sebuah buku yang wajib untuk dimiliki setiap orang yang mahu membaiki tanggapan dan aktiviti membaca mereka.


Pengulas

**Karimatul Hasaniah Ab. Rahman**

Penolong Pustakawan S38

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



ROZA ROSLAN

**Perca**

Kuala Lumpur: Galeri Ilmu, 2017.

ISBN 9789830976198

## ULASAN

Perca merupakan sebuah buku yang digarap mengenai kisah dan pengalaman hidup penulis dalam menjalani kehidupan sehari-hari beliau. Penulis buku ini mengangkat tema kehidupan di dalam penulisan beliau. Selaras dengan itu, penulis telah menyertakan 67 kisah kehidupan, pengalaman dan kenangan yang beliau sendiri tului dalam kehidupan. Gaya penulisan anekdot yang digunakan penulis menjadi daya tarikan utama kepada buku ini. Penyenaraian kisah yang bercampur antara sedih dan gembira memberikan lebih renyah kepada buku ini. Dengan menyelitkan pujian-pujian ke hadrat Ilahi serta junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, penulis berjaya menerapkan ciri-ciri positif ke dalam buku ini untuk menjadikannya bahan bacaan yang berbaloi untuk dibaca.

Setiap kisah kehidupan yang ditulis, penulis seboleh upaya menyelitkan cerita yang ditulis dengan firman Allah atau hadis sahih. Dapat dilihat juga, penulis ada memasukkan, kata-kata hikmah dan kata-kata semangat pada muka surat tertentu untuk dijadikan inspirasi oleh pembaca. Selain kata-kata hikmah, penulis juga memetik surah-surah tertentu dalam Al-Quran yang mana ianya berkaitan dengan kisah yang ditulis oleh beliau.

Penulis membiaskan aura positif melalui kisah-kisah sedih yang dialami oleh penulis sendiri dan digambarkan melalui kaedah penulisan halus yang meresap ke dalam jiwa pembaca. Kisah-kisah sedih dan ketabahan ini dijelmakan menjadi elemen positif yang mampu diserap oleh pembaca melalui pembacaan. Gaya penulisan santai dan menggunakan tatabahasa yang mudah difahami telah memberikan roh yang tersendiri terhadap buku ini. Gaya bahasa dan penulisan begini lebih dekat dengan pembaca dan lebih mudah difahami. Makanya, buku ini menjadi sesuatu yang sangat menarik untuk dibaca.

Ramai penulis mengambil mudah akan pemilihan font bagi sesebuah karya. Walau bagaimanapun, bagi buku ini, penerbit amat bijak memilih dan menggunakan font yang bersesuai untuk menarik mood pembaca untuk menamatkan pembacaan ke atas bahan ini. Pada ayat-ayat yang ingin diberikan penekanan, penulis menggunakan font dan warna yang berlainan bagi menarik mood pembaca untuk lebih fokus kepada sesuatu ayat yang ditekankan. Pembacaan juga menjadi lebih menarik dengan kepelbagaian font yang digunakan. Penulis bermain dengan saiz dan bentuk font dalam memberikan penekanan terhadap sesuatu ayat.

Buku ini tidaklah dikategorikan sebagai buku islamik mahupun buku keagamaan, namun buku ini boleh dikategorikan sebagai buku yang boleh menjadi santapan rohani di mana penulis menyusun kisah-kisah yang diceritakan mengikut susunan yang bersesuaan dan saling berkait. Kisah-kisah kehidupan yang diceritakan akan diakhiri dengan elemen-elemen positif walaupun pengakhiran sesebuah cerita itu berakhir dengan kesedihan. Bab terakhir buku ini tidaklah berakhir dengan satu kisah yang kompleks sebagai penutup. Ianya lebih kepada permulaan satu lagi langkah baharu yang diambil oleh penulis dalam menelusuri kehidupan beliau.

Selaku pengulas, saya amat mengesyorkan buku ini kepada umum kerana, buku ini amat sesuai bagi pembacaan dalam pelbagai peringkat umur. Buku ini memiliki elemen yang sangat istimewa di mana melalui pembacaan, pembaca mampu

untuk terus menelusuri langkah-langkah kehidupan diri sendiri melalui perbandingan dengan kisah yang digambarkan oleh penulis. Elemen-elemen sedih dan pilu yang digambarkan mampu menyuntik satu elemen berani dan redha kepada pembaca. Ianya membuka pemikiran pembaca untuk menerima kenyataan bahawa setiap yang hidup pasti akan menemui kematian dan kematian itu tidak mengira umur seseorang.

Membaca senaskhah buku ini seolah-olah menelusuri sekeping hati yang luka namun redha atas ketentuanNya. Tidak rugi membacanya malah memperolehi manfaat yang sebaik-baiknya.

Pengulas


**Hasnida Jakeria**

Penolong Pengarah (K)

Pusat Rujukan Malaysiana & Luar Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



HASRIZAL ABDUL JAMIL

**Diari Abah**

Ampang Jaya, Selangor: Yayasan Pendidikan Khalifah, 2020.  
ISBN 9789671542286

## ULASAN

*“Tiada abah tanpa anak-anak.*

*Bukan abah, sebelum dirinya adalah suami kepada isteri.*

*Catatan DIARI ABAH adalah renungan saya kepada kembara pembelajaran kami sekeluarga, daripada perspektif saya sebagai seorang ayah. Catatan panjang bermula seawal 2002 hingga ke 2020, pasti pelbagai warna akan kelihatan di dalam penerokaan anda di dalam buku ini.*

*Saya tidak sama sekali bermaksud mengajar atau memberitahu anda apa yang patut anda buat.*

*Ia sebuah diari.*

*Sebuah naskhah yang sepatutnya berkunci.*

*Namun saya buka ia dengan tawakkal, hati-hati dan rendah diri.*

*Tanggungjawab kita besar sebagai seorang abah.*

*Namun kita kurang teguh-meneguh.*

*Tiada siapa akan meneguhkan kita, melainkan sesama kita para abah, untuk saling ingat-mengingatkan, kuat-menguatkan.”*

– Hasrizal Abdul Jamil, 2020.

Petikan di atas merupakan catatan pengenalan penulis mengenai buku beliau yang bertajuk “Diari Abah: Berfikir Dengan Hati, Berperasaan Dengan Akal, sebuah buku yang membicarakan berkenaan peranan seorang abah dalam membentuk dan mendidik anak-anak agar menjadi insan yang berguna.

Menyingkap budaya dan cara mendidik di Malaysia, kebanyakan ayah, abah, bapa atau apa jua gelaran yang diberikan selalu digambarkan sebagai seorang yang tegas, garang dan kurang berkomunikasi dengan anak-anak. Tugas mendidik, menasihati, menegur dan mendengar masalah anak-anak selalunya diserahkan kepada para ibu yang lebih rapat dan memahami anak-anak mereka. Kebanyakan para bapa menghadkan komunikasi mereka dengan anak-anak sebagai lambang seorang ketua keluarga yang perlu dihormati dan ditakuti. Ini bertentangan dengan nilai-nilai murni dan kisah teladan yang terdapat di dalam kitab suci al-Quran.

Hakikatnya, lebih banyak seorang abah membabitkan diri di dalam keluarga, lebih positif perkembangan diri anak-anak mereka. Ketika al-Sunnah banyak menekankan kemuliaan emak, al-Quran pula mendahulukan pelajaran buat abah dengan menyenaraikan sekumpulan bapa untuk hadir memberi teladan praktikal. Ia memberi panduan bagaimana sebuah institusi keluarga memerlukan abah berperanan sebagai tunggak yang menjalankan amanah Allah yang terpikul di atas bahunya. Para Rasul seperti Ibrahim, Yaaqub dan Syuaib, hadir memberi iktibar kepada manusia sejagat yang bergelar bapa, begitu juga dengan Luqman sebagai watak abah yang khusus, dalam merangka nasihat penuh hikmah untuk anaknya.

Buku ini mencoretkan sebuah perkongsian pengalaman peribadi seorang ayah membesarakan anak-anaknya yang sedang meningkat remaja. Penulis

menggunakan pendekatan penulisan yang bersahaja namun sarat dengan pelbagai ilmu dan tips daripada pengalaman peribadi dan pembacaan penulis sebelum ini. Perkongsian ini membantu pembaca untuk menggunakan kaedah berkomunikasi dengan lebih berkesan dan kekal tenang dalam mendidik dan melayan karenah anak-anak. Pengalaman beliau membesarkan anak-anaknya di luar negara dengan latar budaya dan cara hidup yang berbeza telah mengajar beliau untuk lebih berlapang dada dalam menghadapi apa jua permasalahan yang dihadapi. Beliau menggunakan pendekatan tegas tetapi lembut serta memastikan komunikasi yang berkesan sentiasa menjadi jambatan dalam menyelesaikan sebarang masalah atau konflik yang timbul sepanjang perjalanan beliau membesarkan anak-anaknya.


Penulis menyampaikan penceritaan beliau dalam bentuk diari, dengan pendekatan bahasa yang mudah difahami dan menarik serta tidak jemu untuk dibaca. Penulis berkongsi pengalaman peribadi beliau dengan penulisan yang tulus dan jujur dari hati. Beliau juga tidak lokek berkongsi pengajaran yang perolehi daripada pelbagai buku berkenaan pendidikan dan keibubapaan yang dirasakan boleh memberi manfaat kepada pembaca. Latar belakang pendidikan beliau dalam bidang syariah juga memberi kelebihan kepadanya untuk berkongsi ayat-ayat suci al-Quran dan hadis nabi yang berkaitan dengan isu-isu yang dibincangkan.

Buku ini sangat sesuai dibaca oleh para ayah, ibu atau individu yang bakal menjadi seorang bapa. Perkongsian pengalaman dan idea di dalam buku ini mampu membantu pembaca menukar dirinya atau pasangannya dari seorang abah yang biasa-biasa kepada seorang abah yang luar biasa.

Pengulas

**Noor Marfazila Mohd Fahmy**  
Penolong Pengarah  
Unit Rujukan Luar Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



ABDUL BASIT ABDUL RAHMAN  
**Makkah Al-Mukarramah : Kelebihan & Sejarah**  
Kuala Lumpur: Telaga Biru., 2019.  
ISBN 9789675102073

## ULASAN

Buku ini mengandungi sembilan bab yang secara khususnya membincangkan mengenai tajuk-tajuk yang telah disusun untuk memudahkan mereka yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan sejarah Makkah iaitu tempat bermulanya penyebaran agama Islam yang suci. Buku ini juga membincangkan tentang Tanah Haram Makkah, sempadan, kelebihan dan beberapa hukum yang berhubung dengan Tanah Haram.

Dalam bab pertama, penulis memberi pendedahan awal kepada para pembaca untuk memahami nama dan kelebihan kota suci Makkah. Mengikut buku ini, nama kota suci Makkah terdiri daripada Bakkah, Ummu Qurra, Al-Balad, Haraman Amina dan sebagainya. Disini, para pembaca dapat mengetahui kota Makkah bukan sahaja dinamakan Makkah tapi terdapat nama lainnya. Selain itu, Makkah telah dipilih oleh Allah untuk menjadi tempat tumpuan hamba-hambanya yang mukmin sejak turun-temurun dan mempunyai kelebihan serta keistimewaan yang banyak. Buku ini ada menyatakan antara keistimewaan itu bersama hadis. Antara

kelebihan yang diceritakan dalam buku ini adalah Nabi Ibrahim mengisytiharkan Makkah sebagai Tanah Haram Makkah.

“Makkah Menerusi Sejarah” ialah bab yang kedua yang perlu dihayati oleh para pembaca untuk lebih memahami kedudukan Makkah dengan lebih mendalam. Penulis menyatakan sejarah Makkah melalui riwayat yang sahih dan tidak ada syak atau ragu-ragu lagi bahawa ianya bermula dengan kedatangan Nabi Ibrahim bersama isteri dan anaknya, Ismail sebagaimana yang disebut dalam Al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. Walaubagaimanapun, ahli sejarah ada menyebut bahawa Kaabah telah dibina semenjak zaman sebelum Nabi Adam. Begitu juga, ahli arkeologi juga menemui peninggalan yang menunjukkan kota Makkah sudah lama dihuni. Penulis menceritakan bahawa penduduk Makkah pada masa itu terbahagi kepada dua iaitu pengikut Mudhad dan Qatura.

Pada bab ketiga, penulis menceritakan mengenai sejarah Telaga Zamzam yang secara umumnya ialah sejarah penghijrahan Siti Hajar bersama anaknya Ismail ke Makkah. Ia juga merupakan salah satu episod dalam sejarah pendudukan Makkah. Penulis juga menceritakan dengan lebih mendalam mengenai penghijrahan Siti Hajar yang berkait rapat dengan Telaga Zamzam. Dalam buku ini juga dipaparkan secara revolusi pembinaan Telaga Zamzam serta kelebihan Zamzam. Para ulama menyatakan bahawa antara tanda-tanda yang menunjukkan ketinggian sesuatu perkara ialah terdapat banyaknya nama dan sifat bagi perkara tersebut. Demikianlah keadaan air zamzam yang merupakan air yang terbaik dan termulia di atas muka bumi ini.

Dalam buku ini juga, penulis menceritakan mengenai masjid-masjid bersejarah di Makkah di mana menurut saya adalah ianya adalah salah satu keistimewaan yang terdapat dalam buku ini. Penulis juga menceritakan mengenai sejarah sesuatu masjid tersebut misalnya Masjid Jin. Masjid ini terletak di tepi al-Hujun, iaitu di sebelah kiri jalan menuju ke perkuburan Ma’la. Masjid ini dibina di tempat Rasulullah S.A.W. melukis sebuah lingkaran di sekeliling Abdullah bin Mas’ud. Rasulullah S.A.W. telah diperintahkan untuk memperdengarkan Al-Quran kepada kaum Jin. Baginda pergi dan membawa Abdullah bin Mas’ud bersamanya ke Hujun yang terletak berhampiran dengan Shi’ib Abi Dubb. Ini membuktikan buku

ini bukan sahaja mempunyai keistimewaan yang tersendiri tetapi sejarah di sebalik setiap bab. Ini sangat membantu para pembaca untuk mengenali kota Makkah dengan lebih mendalam.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur. Berdasarkan bahasa yang mudah difahami, saya juga mencadangkan agar buku ini dibaca oleh setiap Muslim khasnya Jemaah haji dan umrah. Jemaah perlu sedar bahawa pemergian ke Tanah Suci bukan sahaja sekadar melakukan ibadat tetapi perlu mengetahui sejarah Makkah itu sendiri. Ini membolehkan setiap Jemaah haji dan umrah menghayati apa yang dilakukan dalam masa mengerjakan haji atau umrah tersebut.

Pengulas


**Nor Hanni Nasha Mahmod**

Penolong Pustakawan

Bahagian Sumber Elektronik

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



MUZYYNAH ABDULLAH

**Angan-Angan ke Firdausi**

Kuala Lumpur: Al Fawwaz Travel & Services Sdn. Bhd., 2020.

ISBN 9789671697719

## ULASAN

Penulis adalah seorang pendidik iaitu Ustazah dan pendakwah. Beliau mempunyai ramai anak didik dari pelbagai peringkat usia dan sering memberi semangat ke arah membuat kebaikan. Beliau terdorong untuk menulis buku bergenre motivasi dan inspirasi ini setelah membaca buku Bidadari Di Pintu Firdausi, wanita solehah Al-marhumah Siti Nuroshlizan Haji Zolkifli. Mengambil kekuatan daripada wanita solehah Bidadari Di Pintu Firdausi, buku ini berkongsi cara untuk kita mendapatkan syurga yang paling utama iaitu Firdausi. Bagaimana hendak mendapat tiket masuk dan menjadi ahli tetap Firdausi jika kita tidak tahu caranya. Walaupun ia tidak mudah bagi dikata, namun bila caranya betul, angan-angan ini mampu dikotakan seperti yang dilafazkan. Bermula dengan angan-angan kita berusaha jadikan ia kenyataan dengan izin dari Allah S.W.T.

**Hubungan rapat dengan Allah dan Rasul.** Bidadari syurga bukan sekadar bicara lisannya ingin ke syurga Allah, malah mesti ditunjukkan melalui

perbuatannya. Hubungan rapat ertinya ada rasa yang mendalam dan kenal erat Allah, tuhan seru sekalian alam, Maha Pengasih Maha Pemurah. Kita perlukan ilmu Al-Quran dan hadis Nabi S.A.W. untuk sentiasa dekat dengan Allah S.W.T. Ilmu membimbing kita untuk melakukan perkara yang hanya diredhai Allah dan mengikut sunnah Nabi S.A.W. Kita dijemput oleh Allah dan Rasul dengan cara yang paling lembut dan mesra iaitu lakukan solat lima waktu dengan sempurna serta solat sunat. Lembutkan hati kita menangis kepada Allah yang Maha Mendengar, saat kita sujud, Allah sangat hampir kepada kita. Kita juga diingatkan untuk berwaspada dengan tipu daya iblis yang dilaknat Allah. Amalan kita menjadi sia-sia apabila keikhlasan tercemar dengan sifat sombang dan menunjuk-nunjuk.

**Menggembirakan ibu bapa.** Penulis mengajak kita bermuhasabah diri, merenung hubungan kita dengan ibu bapa. Merekalah anugerah Allah kepada kita untuk meraih syurga Allah. Gembirakan hati mereka dengan menjadi anak yang baik dan menjadi contoh kepada adik-beradik yang lain. Bersabarlah dengan dugaan menjaga mereka dan iklhaskan hati meraikan keuzuran mereka. Sekiranya mereka pernah membuat kesilapan, ampunilah dosa mereka, kerana mereka juga tidak terlepas daripada tipu daya syaitan. Kita doakan Allah memberi keampunan kepada mereka, moga mereka halalkan kudrat dan air susu yang membesarkan kita.

**Setia kepada pasangan.** Penulis menyentuh hati pembaca dengan ikatan berkasih sayang dalam perkahwinan. Ada pelbagai kisah suka duka sepanjang membina keluarga. Allah Maha Mengetahui, kita ditakdirkan mendapat pasangan yang baik, saling meredhai dan mendapat redha Allah. Tunjukkan rasa syukur dengan berusaha menjaga hubungan dengan Allah. Sekiranya kita ditakdirkan mendapat pasangan yang tidak seperti yang diimpikan, jangan berputus asa dengan nikmat Allah. Terus berusaha membuat kebaikan, baiki hubungan dengan Allah, sempurnakan solat dan menjaga aurat. Sekiranya kebaikan kita tidak mendapat balasan yang baik, janganlah merajuk dengan Allah. Mari kita mengundang Allah mendengar masalah kita. Dia tangguhkan kebaikan kerana

Dia Yang Maha Baik itu sedang merancang kebaikan yang berpanjangan dan kekal abadi buat kita di Firdausi.

**Memberi manfaat kepada orang lain.** Tiada yang sia-sia walaupun ilmu itu semudah memasak nasi atau sesukar membina bangunan. Keikhlasan dan kesungguhan kita berkongsi ilmu pasti mendapat ganjaran untuk memenuhi tabung pahala ke Firdausi. Penulis turut berkongsi cara untuk menggunakan kemahiran atau kepandaian yang kita miliki. Setiap orang mempunyai kelebihan tersendiri yang boleh dikongsikan kepada orang lain. Apabila ilmu itu dimanfaatkan oleh mereka atau mengajarnya pula kepada orang lain, ilmu itu semakin berkembang dan meluaskan pahala amal jariah kita hingga ke mati.

**Berbuat baik kepada orang lain.** Penulis mengajak pembaca menjadi seorang saudara, rakan dan jiran yang baik. Memberi bantuan ketika mereka dalam kesusahan dan menghulurkan tangan untuk mereka berpaut mencari kekuatan. Kadangkala mereka menghadapi masalah yang sangat rumit, di luar kemampuan kita untuk membantu. Kita diajar untuk saling berdoa, menasihati dan menegur ke arah kebaikan. Allah takdirkan mereka meminta pertolongan kita sama ada tenaga atau wang, tanpa kita sedari itulah cara Allah mendekatkan kita dengan Firdausi. Sekiranya berlaku perselisihan faham, pujuklah hati untuk mencontohi Nabi S.A.W. yang sentiasa memaafkan. Sekiranya kita membantunya seikhlas hati, Allah akan membala dengan kebaikan.

**Jaga hubungan dengan makhluk lain.** Bagi mendekati syurga Firdausi kita diperintahkan oleh Allah untuk berbuat baik dengan seluruh makhluk Allah. Bukan sahaja kepada manusia malah pepohon dan juga haiwan. Nabi S.A.W. mengajar kita tidak mencabut atau merosakkan tumbuhan ketika ihram di Mekah dan baginda juga menyayangi haiwan. Menjaga hubungan baik dengan makhluk merupakan ibadah yang pasti ada ganjaran daripada Allah. Asalkan kita niat untuk mendapatkan keredhaan Allah menuju ke Firdausi.

**Buat yang Allah suka dan Nabi S.A.W. suka.** Penulis menegaskan bahawa apa yang Allah dan Rasulullah S.A.W. sukai biasanya adalah apa yang dibenci oleh


nafsu. Kita bertekad melakukan kecintaan Allah dan Rasul, bermakna kita telah berjaya berperang dengan hawa nafsu. Penulis turut mendorong kita sentiasa mempelajari dan membaca al-Quran serta zikrullah. Sentiasa membuat kebaikan walaupun perkara yang kecil. Jalan menuju syurga Firdausi Allah adalah melakukan apa yang Allah dan Rasulullah S.A.W. suka. Penulis menutup perkongsian ini dengan mengajak kita berfikir ke arah kalimah-REDHA. Apa sahaja yang ditakdirkan Allah kepada kita, mustahil untuk kita mengelak atau berperang dengan takdir itu. Itulah yang disebutkan sebagai ‘berdamai dengan takdir’ iaitu amalkan sabar dan solat.

Buku ini diterbitkan pada 1 Ramadhan 1441 H, hari ke 38 PKP 2020, ketika dunia mula dilanda pandemik COVID-19. Manusia diuji dengan makhluk Allah bernama corona virus. Kita kehilangan orang yang tersayang, putus punca pendapatan dan mengalami kemurungan. Buku ini memberi inspirasi kepada kita untuk merawat jiwa yang gundah gulana dengan cabaran hidup ini. Cabaran itu sangat berat dan sukar untuk dihadapi kerana Firdausi itu sangat luar biasa nikmatnya dan mahal harganya.

Pengulas

**Noor Lela binti Osman**  
Penolong Pengarah (K)  
Bahagian Sumber Elektronik  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



HM TUAH ISKANDAR  
**Jadi muslim super hebat : sebuah formula unggul melahirkan khalifah superior**  
Shah Alam, Selangor: Grup Buku Karangkraf,  
2016.  
ISBN 9789678606547

## ULASAN

Buku ini merupakan hasil tulisan Dr. HM Tuah Iskandar yang merupakan seorang motivator, penulis dan juru am yang tidak asing lagi di Malaysia. Isi kandungan buku ini mengandungi 72 bab setebal 305 mukasurat yang ditulis dalam gaya santai dan bersahaja bagi memudahkan para pembaca untuk lebih memahami, sekali gus dapat mempraktikkan formula, tip dan juga kaedah yang diberikan.

Buku ini mengandungi banyak kandungan yang menarik di antaranya ialah “Tiga Elemen Keredhaan-Nya”, “Sentiasa *Online* Dengan Allah” “Menuai Pahala Yang berpanjangan”, “Kita Jangan Jadi Orang Jahil”, “Bahagianya Berbaik Sangka Dengan Allah” dan “Jangan Marah Sabar Itu Lebih Baik”.

Pengulas ingin mengulas beberapa bab yang menarik buku untuk dikongsi bersama. Penulis iaitu Dr. HM Tuah Iskandar al-Haj di dalam bab 3 iaitu “Tiga elemen keredhaan-Nya” menyentuh mengenai jika kita ingin mendapatkan keredhaan Allah S.W.T., kita perlu melakukan perkara yang disuruh dan

meninggalkan semua yang dilarang. Hanya melalui itulah redha Allah S.W.T. akan dimiliki. Penulis menekankan dalam mencari keredhaan Allah S.W.T., kita sepatutnya menjaga hubungan dengan-Nya. Penulis menyeru pembaca menggunakan dan menjaga tiga elemen iaitu mental, spiritual dan fizikal untuk mendapatkan perkenanNya.

Bab yang menarik yang ingin dikongsi oleh penulis ialah mengenai bagaimana hubungan kita dengan Allah dalam bab 9 “Sentiasa *online* dengan Allah”. *Online* dengan Allah bukan hanya berdoa semata-mata tetapi berusahalah melakukan ketaatan tanpa berbelah bagi. Jangan lupa menjauhi perkara yang mungkar kerana perkara ini menjadi ikatan kita denganNya agar setiap doa dan permintaan dapat dikabulkan tanpa hijab. Orang yang sering mengharapkan Allah tidak akan menyesal, malah sentiasa berada dalam kesejahteraan. Allah S.W.T. bukan sahaja sebagai tempat meminta kesenangan tetapi juga menjadi tempat mengadu dan meluah rasa.

Perkongsian penulis dalam bab 11 iaitu “Menuai pahala yang berpanjangan” adalah mengenai membuat kebaikan. Semua manusia tidak boleh berputus asa untuk melakukan perkara kebaikan. Ini adalah kerana hasilnya akan berpanjangan biar sekalipun kita tiada lagi di dunia ini. Waima hanya menanam sepohon pokok sebagai tempat berteduh pun akan diganjari pahala selama mana ia dimanfaatkan. Penulis berkongsi kisah beliau mengenai seorang tokoh iaitu Allahyarham Gabenor Sarawak iaitu Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya’kub yang telah menubuhkan Yayasan Sarawak sewaktu beliau menjadi Ketua Menteri Sarawak pada tahun 1971. Penulis telah diberi bantuan peribadi Allahyarham ketika penulis menyambung pengajian di luar negara walaupun penulis bukanlah anak kelahiran Sarawak. Kebaikan beliau tidak terhenti apabila penulis habis pengajian tetapi berterusan menyalurkan bantuan kewangan sehingga beberapa lama kemudian. Kisah ini dirahsiakan oleh penulis sehingga penulis mendedahkan di dalam buku ini sebagai teladan kepada para pembaca dalam membuat perkara kebaikan yang berpanjangan.

Bab 16 iaitu “Kita jangan jadi orang jahil” mengisahkan mengenai sikap sesetengah umat Islam yang terlalu percayakan hadis palsu dan perkara

khurafat. Penulis berkongsi beberapa kisah sejak daripada zaman Firaun, Nabi Muhammad S.A.W. sehingga zaman kini. Contohnya kisah keupayaan individu yang mendakwa dirinya memiliki kebolehan luar biasa terutama dalam bab perawatan. Ketika itu kita menjadi antara orang yang mengaguminya. Kepercayaan melampau akan menyebabkan wujudnya sifat fanatik. Sehubungan itu, penulis memberikan pandangan beliau di dalam bab ini agar semua pembaca lebih memahami konsep yang ingin beliau sampaikan.

Penulis dalam bab 24 iaitu “Bahagianya berbaik sangka baik dengan Allah” mengajak pembaca berfikir mengenai bukan semua perkara yang kita mahu akan diperolehi meskipun setelah berusaha bersungguh-sungguh. Inilah sebagai takdir dan ketentuan. Adakala apabila kita meminta sesuatu yang dikehendaki tetapi diberi perkara yang tidak dijangka. Kita cepat bersangka buruk dengan Allah S.W.T. yang memberi nikmat. Malah kita mula putus asa, kecewa dan sedih. Allah S.W.T. tidak akan mensia-siakan setiap perkara yang diciptakan kecuali terselit hikmah hebat yang harus difikirkan. Allah maha kaya, pemurah dan tidak menzalimi. Penulis berpesan agar pembaca melihat kehidupan melalui sudut yang positif bukan sebaliknya. Pasti hati akan bahagia, otak menjadi stabil dan emosi terpantau elok.

Bab menarik yang terakhir yang ingin pengulas kongsikan adalah Bab 47 iaitu “Jangan Marah, Sabar itu lebih baik” penulis mengetengahkan mengenai sikap marah. Tiada manusia tanpa kemarahan. Manusia dibekali pelbagai emosi termasuk marah, tetapi mereka yang boleh menundukkan kemarahannya akan kelihatan lebih unggul lagi mulia. Oleh yang demikian, mengawal marah boleh dijadikan agenda utama dalam membentuk perilaku mulia. Seseorang yang mudah marah akan dijauhi dan dibenci sebabnya tiada siapa yang menyukai si pemarah. Justeru penulis menyatakan sifat marah perlu dikawal atau marah pada keadaan yang betul atas sebab munasabah sahaja. Penulis menyeru pembaca agar dalam semua perkara, letakkan Allah SWT paling hadapan, tanamkan sifat sabar dan sentiasa mengingati Allah dalam tindakan dan kata-kata.

Sebagai pengulas saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca terutama kepada mereka yang menyukai penulisan dalam gaya santai dan

bersahaja serta diserikan juga dengan pantun di akhir bab. Walau pun saya hanya mengulas 6 bab sahaja daripada 72 bab, bab-bab lain di dalam buku ini juga menarik dan sarat dengan tip serta kaedah motivasi yang bersesuaian untuk dibaca.


Pengulas

**Wan Nur Azma binti Wan Asik**

Penolong Pengarah (K)

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan  
Perpustakaan Negara Malaysia


## SINOPSIS BUKU



NASRULLAH AMRAN  
**Super Imej**  
Selangor: Puteh Press, 2020.  
ISBN: 9789673694365

Buku ini merangkumi ilmu berkaitan imej. Imej bukanlah sekadar penampilan tetapi adalah peribadi yang menjadi pengaruh dalam kehidupan. Penulis membawa ilmu imej kepada satu pandangan baru dan kepentingan imej dengan kaedah yang betul. Super Imej menjadikan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai contoh yang terbaik dalam pengurusan imej. Kebiasaannya imej lebih dikatakan sebagai penampilan diri. Sebenarnya, banyak lagi ilmu imej selain daripada penampilan. Imej dibahagikan kepada tiga. Seperti mana Islam dibahagikan kepada Islam, Iman, dan Ihsan. Setiap individu perlu baik di ketiga-tiga bahagian imej ini. Buku ini juga memberikan kita semangat untuk memperbaiki imej yang sebenarnya lambang peribadi kita.


## SINOPSIS BUKU



NORLIA YUNUS  
**Tembikai Wangi**  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020.  
ISBN: 9789834923266

Tembikai wangi satu daripada buah – buahan yang berpotensi untuk diusahakan secara komersial di Malaysia berdasarkan penyelidikan saintifik melalui amalan kultur dan sistem fertigasi atau penanaman tanpa tanah. Buku ini amat sesuai dijadikan panduan kepada pengusaha tanaman buah-buahan di Malaysia dan pihak yang berminat untuk mengusahakan ladang tembikai wangi. Kaedah penanaman tembikai wangi menggunakan teknologi pertanian terkini dan ia memberikan suatu input baharu bahawa penanaman tembikai wangi mampu menjana pendapatan yang lumayan. Kaedah penanaman ini berdasarkan hasil penyelidikan oleh pihak MARDI. Hasil dapatan menyatakan bahawa tembikai wangi mampu disebarluaskan terutama kepada para pengusaha tembikai wangi, para petani atau pihak tertentu yang bercadang untuk mengusahakan tanaman ini sebagai keluaran utama ladang mereka.


## SINOPSIS BUKU



JUHARI AHMAD & ABDUL  
RAZAQ AHMAD  
**Kesejahteraan Komuniti  
Bandar**  
Bangi, Selangor: Penerbit  
UKM, 2019.  
ISBN: 9789674129484

Buku ini membincangkan kesejahteraan hidup komuniti Bandar yang berasaskan kajian empirikal melibatkan empat konstruk utama. Konstruk tersebut adalah sokongan sosial, sokongan fizikal, penyertaan sosial dalam menentukan kesejahteraan hidup komuniti bandar yang merangkumi kesejahteraan diri, sosial, persekitaran, keselamatan dan ekonomi. Buku ini merupakan hasil kajian daripada UKM dan populasinya melibatkan belia pelbagai etnik. Di dalam buku ini menerapkan pelbagai aspek kesejahteraan hidup berdasarkan pelbagai teori dalam sosiologi, pendidikan dan komuniti. Buku ini merupakan satu rujukan penting dalam bidang akademik serta menjadi asas kepada garis panduan dalam merealisasikan pembangunan bandar sejahtera.


## SINOPSIS BUKU



WAN ZAINIRA WAN ZAIN,  
ARMAN ZAHARIL MAT SAAD  
& MAZIAN ISMAIL  
**100 Persoalan Mengenai  
Kanser Payudara**  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa  
dan Pustaka, 2019.  
ISBN: 9789834920210

Buku ini memberikan fokus dalam menghuraikan setiap persoalan secara terperinci yang menjurus kepada elemen pengenalan kanser payudara, rawatan terkini dalam dunia perubatan sehingga langkah pencegahan penyakit tersebut. Huraian yang dibuat dalam buku ini menggunakan bahasa yang mudah dan ringkas untuk difahami. Gabungan pengetahuan dan pengalaman penulis buku ini sangat bagus dan wajar dimiliki oleh setiap wanita. Maklumat yang disampaikan dalam buku ini berupaya membuka minda pembaca untuk melakukan pemeriksaan awal bagi mengesan sebarang ketidaknormalan yang terdapat pada payudara masing-masing. Buku ini sangat bagus dalam menjaga kesihatan payudara sebaik-baiknya bagi mengekalkan kesejahteraan mental dan fizikal demi berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara.

## SINOPSIS BUKU



FARID CHE GHAZALI  
**Bicara Tentang Tulang**  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa  
dan Pustaka, 2020.  
ISBN: 9789834925628

Buku ini membincarakan tentang tulang iaitu struktur hidup yang mampu menyimpan pelbagai maklumat tentang keadaan biologi serta dapat menceritakan secara terperinci pelbagai proses yang dialami dalam kehidupan oleh empunya tulang tersebut. Maklumat berkaitan dengan perihal tulang, pembentukan pelbagai tulang dan perbezaan antara tulang lelaki dengan perempuan dan tulang haiwan. Selain itu, penulis juga menghuraikan perbezaan anatomi tulang rangka manusia dan tulang rangka haiwan serta kaedah untuk mengenal pasti perbezaannya. Penulis juga mengetengahkan maklumat berkaitan dengan kesan sampingan akibat pengambilan tisu rawan yang boleh menjelaskan kesihatan. Dapatkan nasihat daripada pakar terlebih dahulu sebelum boleh mengambilnya.


## SINOPSIS BUKU



SABAIAH  
BACHOK, CHEMAH  
TAMBY CHIK,  
NORADZHAR BABA  
**Rempah dan Kari**  
Shah Alam : Penerbit  
UiTM, 2019.  
ISBN: 9789673635788

Buku Rempah dan Kari menerangkan secara komprehensif kegunaan dan manfaat rempah serta fungsi kari dalam penyediaan masakan yang digunakan secara meluas di Asia. Rempah merupakan satu bahan masakan yang telah digunakan sejak berabad lalu serta mempunyai nilai komersial yang tinggi. Rempah bukan sahaja mempunyai nilai perdagangan, malah mempunyai pelbagai fungsi lain. Rempah berfungsi sebagai perisa, aroma, tekstur dan pewarna. Ia juga digunakan sebagai pengawet, agen antimikrob, antioksidan semula jadi dan ubat-ubatan. Informasi mengenai rempah, penggunaan dan khasiat yang dapat diperoleh daripada pelbagai jenis rempah diterangkan dengan teliti dalam buku ini. Ia turut memuatkan 10 resepi menarik berdasarkan rempah yang boleh dicuba oleh pembaca.

## SINOPSIS BUKU



NOOR HASSIM ISMAIL,  
HALIM ISMAIL,  
MUHAMAD FIRDAUS  
UJANG  
**Kebisingan di Tempat  
Kerja dan Ancamannya**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa Pustaka, 2019.  
ISBN: 9789834919634

Kebisingan di tempat kerja merupakan salah satu ancaman yang sering berlaku di tempat kerja. Buku ini diterbitkan bertujuan untuk memberikan panduan dan maklumat berkaitan isu kebisingan serta kesannya ke atas kesihatan para pekerja. Antara yang dibincangkan adalah pengetahuan asas berkenaan bunyi, kebisingan, impak kebisingan terhadap kesihatan dan pelbagai langkah yang boleh diambil oleh pekerja bagi mengatasi masalah berkenaan. Buku ini amat sesuai dibaca oleh setiap pekerja yang terlibat secara langsung dalam bidang pekerjaan yang dikelilingi dengan masalah kebisingan yang ketara. Di Malaysia, undang-undang yang menerangkan dan menyentuh tentang kebisingan di tempat kerja ialah Akta Kilang dan Jentera atau Akta 139. Akta ini menggariskan tentang tanggungjawab majikan dan pekerja dalam memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dijaga serta dilindungi dengan baik. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menetapkan tahap aras bunyi yang selamat dan selesa bagi manusia adalah pada aras di bawah 65 dB(A).


## SINOPSIS BUKU



AHMAD FIRDAUS  
MAHMOD, AIDIL RATNA  
EDORRA SUHAIMIN  
**Checkmate : 101 Soalan  
Yang Anda Perlu Tanya  
Peguam Sebelum Beli  
Hartanah**  
Selangor: Mastery  
Academy, 2019.  
ISBN: 9789671519851

Keraguan dan cabaran berhadapan proses jual beli harta tanah yang agak kompleks memerlukan pembeli mempunyai asas pengetahuan dalam bidang harta tanah. Buku tulisan pengasas Team Saudagar Hartanah, Ahmad Firdaus Mahmood dan peguam harta tanah Aidil Ratna Edorra Suhaimin mampu menjawab persoalan ini. Buku ini menerangkan panduan asas beberapa proses yang perlu dilalui oleh penjual dan pembeli harta tanah. Disamping itu, buku ini menerangkan langkah-langkah yang perlu dilalui dan peranan perunding harta tanah dan peguam dalam menguruskan semua transaksi jual beli sehingga pembeli dapat memiliki harta tanah tersebut. Buku ini menghimpunkan pelbagai persoalan umum yang sering ditanya oleh "client" kepada perunding harta tanah dan peguam harta tanah. Kombinasi kedua-dua pakar ini bersama dengan fakta yang padat, jelas dan mudah difahami menjadikan buku ini amat sesuai dijadikan rujukan kepada pembeli harta tanah.


## SINOPSIS BUKU



SABRI SULAIMAN, SITI HAJAR  
ABU BAKAR AH  
**Deprivasi Sosial Kanak-Kanak  
di Malaysia**  
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti  
Malaya, 2020.  
ISBN: 9789674881177

Kesejahteraan atau kualiti hidup kanak-kanak merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kepada kesejahteraan sosial negara. Ini disebabkan kanak-kanak adalah bakal pewaris yang akan memimpin negara pada masa hadapan. Buku Deprivasi Sosial Kanak-Kanak di Malaysia ini menerangkan satu konsep dan pendekatan baharu di dalam meneliti kesejahteraan hidup kanak-kanak; iaitu konsep dan pendekatan deprivasi sosial. Konsep dan pendekatan ini adalah satu pendekatan yang komprehensif yang merangkumi kesejahteraan fizikal dan subjektif kanak-kanak, serta berlandaskan pengalaman hidup kanak-kanak sendiri. Konsep dan pendekatan deprivasi sosial ini mampu memberikan gambaran sebenar yang realistik berkaitan kesejahteraan atau kualiti hidup kanak-kanak. Matlamat utama konsep ini adalah pembinaan satu indeks sosial berkaitan kesejahteraan hidup kanak-kanak yang bersifat inklusif.


## SINOPSIS BUKU



**HAITUN KAMARAZAMAN**  
**Travelog Hati : Kembara Itu**  
**Hijrah**  
Pahang: Haitun Kamarazaman,  
2020.  
ISBN: 9789671670019

Karya Haitun Kamarazaman ini sedikit berbeza daripada buku travelog yang sedia ada di pasaran. Selain daripada berkongsi cerita kembara yang dilaluinya, penulis juga menyelitkan kisah kembara penulis di dalam kehidupan manusia lain di bahagian kedua buku. Bahagian satu buku ini yang diberi nama Kembara Diri, penulis menceritakan akan kembara penulis ke beberapa buah tempat menarik seperti Milano, Kota Venice, Bosnia, Macedonia dan banyak tempat lagi. Setiap bab di bahagian satu dikupas dengan cara berbeza dan turut mengandungi gambar-gambar supaya pembaca dapat melihat sendiri rentetan pengembalaan penulis. Bagi bahagian kedua iaitu Kembara Hati, penulis berkongsi cerita-cerita yang boleh diambil iktibar daripadanya seperti Hutang, Sombong, Dendam, Peluang Kedua dan sebagainya.


## SINOPSIS BUKU



AMILAH AHMAD, ADID  
RASHE  
**Rahsia Berjaya dan Bahagia**  
Johor Bahru, Johor: DDJA Rich  
Resources, 2020.  
ISBN: 9789671798409

Buku yang bertajuk "Rahsia Berjaya dan Bahagia" ini mendedahkan tentang tips dan amalan yang boleh digunakan oleh setiap insan yang hidup di muka bumi ini, yang berciat-cita untuk mendapatkan kejayaan dan bahagia serta mendapatkan ketenangan hati dalam hidup. Antara topik yang diketengahkan di dalam buku ini adalah tentang menjaga hubungan dengan tuhan, mencari ketenangan, mencintai diri sendiri, menjaga hubungan sosial dan amalan hukum tarikan. Ilmu yang diperolehi daripada buku ini bukan sahaja memberi kesan kepada diri kita untuk terus hidup di dunia dengan jayanya dan bahagia, bahkan juga memberi manfaat kepada semua insan di sekeliling kita. Amalan-amalan daripada buku ini perlulah dibaca dan dipraktikkan. Dengan izin Allah S.W.T, jika amalan "Rahsia Berjaya dan Bahagia" ini dapat diamalkan secara ikhlas, berterusan dan istiqamah, disertakan dengan usaha dan doa, apa yang dihajati akan dimakbulkan Allah. Amalan-amalan baik jika dijadikan sebagai sebahagian dari cara hidup akan menjadikan insan itu sebagai jutawan dunia dan akhirat.


## SINOPSIS BUKU



JAMILAH AHMAD  
**Tarik Rezeki dan Bahagia**  
Kota Tinggi, Johor: Jamilah  
Ahmad, 2019.  
ISBN: 9789671674109

Buku “Tarik Rezeki dan Bahagia” ini mendedahkan tentang tips dan amalan untuk menarik rezeki dan rasa bahagia bagi mereka yang sedang mengalami kesempitan dari segi material dan emosi. Ada orang mempunyai rezeki melimpah ruah tetapi tidak merasa bahagia. Ada yang hidup serba kekurangan materialnya tetapi masih boleh tersenyum dan tertawa. Ada juga orang yang tidak punya apa-apa, baik dari segi material atau rasa tenteram dan bahagia, namun tetap tidak mahu muhasabah diri, malah terus hanyut dengan dunia tanpa pegangan, mengeluh dan selalu menyalahkan takdir Allah. Bagimanakah untuk menarik rezeki dan merasa bahagia? Dalam buku ini, penulis telah berkongsi tips dan amalan yang menyumbang kepada terbukanya pintu-pintu rezeki dan kebahagiaan. Antara tips amalan tersebut adalah Amalan Menjaga Hubungan dengan Allah, Amalan Sayangi Diri Sendiri, Amalan Menjaga Hubungan Dengan Sesama Manusia, Amalan Hukum Tarikan dan Amalan Memaaafkan Orang Lain. Perkara yang paling penting sekali adalah kita sentiasa berusaha ke arah apa yang kita hajati, amalkan semua amalan tersebut dengan ikhlas, istiqamah, yakin, positif dan berserah segala-galanya kepada Maha Pencipta, Allah S.W.T.


## SINOPSIS BUKU



ADNIN ROSLAN  
**Maksiat Akhir Zaman**  
Shah Alam, Selangor: Sentap  
Press Sdn Bhd, 2020.  
ISBN: 9789672118336

Orang yang beriman, melihat dosa ibarat gunung yang menghempap. Manakala orang munafik, melihat dosa ibarat lalat yang menghinggap. Akhir zaman ini, orang Islam seolah-olah berlumba ke neraka. Dosa dan maksiat kini dianggap kebenaran, kebanggaan dan lambang kemodenan, manakala pahala dianggap satu kebatilan dan kemunduran. Pelaku maksiat disanjung dan dipuji, orang beriman dihina dan dikeji. Maksiat Akhir Zaman menceritakan tentang segala dosa dan kerosakan yang sedang menular dan dianggap normal oleh masyarakat, sama ada dari sudut akidah, politik, ekonomi, hiburan, akhlak dan sosial. Juga dikongsi solusi bagi menghadapi bermacam-macam jenis maksiat yang seolah telah menjadi darah daging dan budaya masyarakat masa kini. Hari ini, ramai yang keliru mana satu dosa, mana satu pahala, apa yang dimaksudkan dengan hak dan apa itu batil. Akhir zaman ini, dosa dianggap pahala, pahala dianggap dosa dan tembok iman mula runtuh. Tidak mustahil kini, kita sedang menantikan kemunculan satu makhluk yang bernama Dajal.


## SINOPSIS BUKU



SYED SALAHUDDIN  
**Ajari Aku Mencintai Tuhan**  
Shah Alam, Selangor: Sentap Press Sdn Bhd, 2020.  
ISBN: 9789672118268

Cinta adalah segala-galanya bagi manusia. Cintalah yang menggembirakan manusia, cintalah yang menghidupkan hati manusia dan dengan cintalah manusia mula berkorban dan berjuang kerananya. Tapi sedarkah kita kepada siapa kita mencintai. Adakah hanya sekadar mencintai sesama manusia yang akhirnya akan ditinggalkan bila sampai masanya? Atau sekadar mencintai harta yang hartanya itu akhirnya tidak berguna di kala sakit atau kematian menyapanya? Atau dia sedang bercinta dengan hawa nafsunya yang akan memakan dirinya, sakit dengan sesalan dengan akibatnya? Cinta sebenar adalah cinta kepada Tuhan Pencipta. Yang menciptakan cinta dan perasaan cinta itu sendiri. Yang menjaga kesucian cinta itu hingga manusia mampu berkorban dan berjuang untuk cinta-Nya. Itulah cinta sebenar yang perlu kita cari dan pelajari. Mulakan langkah dengan kembali kepada Pencipta dan mula mengenali kekasihNya. Keletihan dan derita kita selama ini akan terbayar bahkan mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat.


## SINOPSIS BUKU



MUHAMAD ADHA@KU ALAM  
**Raja Sir Chulan : Bapa Perkhidmatan Awam**  
Batu Caves, Selangor: Astaka Merchu Alam Resources, 2020.  
ISBN: 9789671799710

Raja Sir Chulan merupakan satu nama besar di era pentadbiran British di Persekutuan Tanah Melayu atau Federated Malay States (F.M.S). Namun dewasa kini ramai yang tidak mengetahui pemilik kepada identiti sebenar baginda iaitu D.Y.A.M Raja Sir Chulan ibni Almarhum Sultan Abdullah Shah II, D.Y.A.M Raja Di-Hilir Perak. Baginda merupakan perintis dalam pembentukan Pegawai Melayu yang akan berkhidmat dalam Pentadbiran Kerajaan British yang pada ketika itu dikenali sebagai Malayan Civil Service (M.C.S) dan kemudian dikenali sebagai Malay Administrative Service (M.A.S) dan dewasa ini dikenali sebagai skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD). Baginda telah menyandang beberapa jawatan penting ketika itu antaranya, Pegawai Penempatan, Pemangku Pemungut Hasil Tanah, Pemangku Pegawai Daerah, Pegawai Daerah dan Majistret. Bersandarkan kredibiliti yang dimiliki, baginda telah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perak (1906) dan juga ahli Majlis Persekutuan (1924). Berdasarkan sumbangan signifikan kepada negara, adalah wajar baginda dinobatkan sebagai Bapa Pentadbiran Awam.


## SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD AIMAN ARIFIN  
**Panduan Persediaan Pelajar  
Pascasiswazah Master & PhD**  
Bangi: Selangor: Dr.  
Muhammad Aiman Arifin, 2020.  
ISBN: 9789671830802

Sebaik sahaja seorang pelajar berjaya menamatkan pengajian ijazah Sarjana Muda, bermulalah langkah pelajar ini mencari pekerjaan dalam pasaran kerja. Daripada kelompok pelajar ini, pasti ada dalam kalangan mereka yang berhajat untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah Sarjana atau Master. Begitu juga mereka yang telah menamatkan pengajian pada peringkat Master, masih berhajat untuk menyambung pengajian pada peringkat tertinggi iaitu ijazah Doktor Falsafah atau PhD. Perjalanan seseorang pelajar pengajian peringkat Master dan PhD memerlukan panduan persediaan untuk memahami satu sistem pengajian secara menyeluruh. Setelah bergelar pelajar, mereka haruslah sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran lain sehingga berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya. Dengan mendapat panduan awal ini, pada masa yang sama pelajar tersebut telah mempersiapkan diri sebagai pelajar pascasiswazah. Beberapa soalan lazim yang selalu ditanya oleh pelajar berkaitan pascasiswazah juga akan cuba dijawab di dalam buku ini.


## SINOPSIS BUKU



ABDULLAH ABDUL HAMID  
**Ngah Ibrahim : Jutawan Melayu Abad ke -19**  
Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2020.  
ISBN: 9789832140252

Ngah Ibrahim : Jutawan Melayu Abad Ke 19 menceritakan tentang ketokohan Ngah Ibrahim, atau digelar Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Orang Besar Berempat Perak. Beliau ditauliahkan berkuasa dan mentadbir Larut. Ngah Ibrahim terkenal dan ditakuti oleh kebanyakan tauke, ketua kongsi gelap Cina, saudagar asing dan pegawai British. Beliau membawa paradigma baru landskap perlombongan bijih timah di Larut dan Perak sehingga negeri itu menjadi terkenal di seluruh dunia, dan beliau sendiri menjadi jutawan. Tokoh ini adalah seorang yang bijak dan kuat berusaha. Ini dibuktikan dengan tindakannya membina Kota Matang. Beliau juga mengadakan hubungan dengan ketua kongsi gelap, membawa masuk masuk ramai buruh berbangsa Cina, membentuk pasukan keselamatan sendiri untuk menjamin keamanan supaya kegiatan perlombongan bijih timah di Larut berjalan lancar. Penulis meletakkan Ngah Ibrahim di persada sebagai tokoh perniagaan, tokoh patriot serta nasionalis Melayu kerana beliau turut terlibat dalam menyemarakkan semangat anti penjajah British sehingga British kemudiannya membuang beliau ke Pulau Seychelles.


## SINOPSIS BUKU



ABDULLAH SIDEK  
**Perang Tamadun Melayu**  
Kuala Lumpur: Patriots Publishing, 2020.  
ISBN: 9789671734476

Buku ini merupakan sebuah buku menghimpunkan perperangan yang pernah berlaku di Tanah Melayu suatu masa dahulu yang melibatkan beberapa buah negeri seperti Melaka, Pahang, Perak dan Johor. Melalui buku ini kita dapat melihat konflik-konflik yang berlaku dalam masyarakat dan kerajaan Melayu suatu masa dahulu. Perang Tamadun Melayu akan membawa anda menelusuri sejarah raja-raja Melayu bermain politik, sehingga membawa kepada siri perperangan yang mengasyikkan antara kerajaan yang pernah bertapak di alam Melayu. Kisah yang sebelum ini tidak didendangkan sehebat sejarah raja-raja Eropah, maharaja-maharaja China dan juga para syogun Jepun bakal didedahkan kepada masyarakat. Buku ini membedah perang-perang dalam tamadun Melayu bermula seawal zaman Parameswara di Singapura purba sehingga memasuki zaman moden. Ia penuh dengan helah, darah, kebijaksanaan merangka strategi dan romantisme dalam kisah-kisah kerajaan ini yang merebutkan takhta kerajaan alam Melayu supaya kita semua beroleh pengajaran daripada sejarah moyang kita terdahulu.

## SINOPSIS BUKU




### Bacaan Cepat Kewartawanan Dr Su : Mari Jenayahkan Perang!

Nilai, Negeri Sembilan: AID  
Conference, 2020.  
ISBN: 9789671800461

Dunia tidak pernah terlepas dari “putaran ganas” bukan sahaja putaran ganas ekonomi seperti yang kita semua maklum, tetapi putaran ganas sifat manusia yang kadang kala janggal kemanusiaannya. Dengan kealpaan manusia dan kenikmatan kuasa, ada negara yang tidak mementingkan keamanan dan menuntut nyawa melalui peperangan. Kalah dari segi politik, ekonomi dan sosial, kesan perang nyata merentas generasi dan parutnya tidak hilang hingga ke mati. Buku ini adalah antara usaha untuk mengetengahkan keperluan untuk setiap masyarakat menyedari pentingnya menjenayahkan peperangan. Tiga bab diperuntukkan membincangkan usaha yang dilakukan Malaysia dalam menjenayahkan peperangan, cadangan untuk mencapai keamanan serta perbincangan bagaimana manusia boleh hidup tanpa berperang. Menariknya buku ini juga boleh digunakan sebagai rujukan format menulis esei. Bab akhir menampilkan satu esei yang tidak berkaitan peperangan tetapi contoh esei yang pernah memenangi pertandingan esei di peringkat universiti tempatan.


## SINOPSIS BUKU



ABU MUAWIYAH  
**Hikayat Sultan Mahmud  
Ghaznawi**  
Kajang, Selangor: Abu  
Muawiyah (Supandi Said),  
2020.  
ISBN: 9789671847008

Hikayat Sultan Mahmud Ghaznawi merupakan sebuah kisah yang sangat menarik menceritakan kebijaksanaan dua menteri dan permaisuri dalam sebuah kerajaan yang bernama Ghaznawi. Pelbagai cabaran dan dugaan dilalui Sultan Mahmud dan kerajaannya, namun telah berjaya diatasi dengan kebijaksanaan mereka bertiga. Selain itu, kisah ini juga memaparkan kecitraan wanita sebenar melalui watak permaisuri Ghaznawi dalam membantu suaminya. Adapun hikayat ini tidak banyak diketahui kita pada hari ini dan naskahnya juga tidak banyak ditemui berbanding naskah-naskah hikayat yang lain. Hikayat ini telah ditransliterasikan dari jawi ke rumi berdasarkan dua manuskrip Melayu lama yang tersimpan di Perpustakaan Berlin, Jerman. Semoga dengan penerbitan buku ini dapat merancakkan lagi dunia sastera Melayu khususnya sastera Melayu Klasik.

## SINOPSIS BUKU



**Dinamik Keluarga**  
Serdang, Selangor: Penerbit  
Universiti Putra Malaysia, 2019.  
ISBN: 9789672395225

Buku ini membincangkan dinamik institusi keluarga di Malaysia dan menegaskan perihal pentingnya memahami dinamik keluarga dengan mendalam bagi merangka dasar dan program intervensi yang bersesuaian. Kandungan buku ini merangkumi sikap generasi muda terhadap perkahwinan, nilai dan keutuhan keluarga, dinamik hubungan ahli keluarga, cara gaya keibubapaan, perapatan serta kualiti komunikasi ibu bapa-anak, faktor perundangan seperti mediasi keluarga, tuntutan nafkah dan sokongan kewangan wanita selepas penceraian. Topik yang dibincangkan memberi manfaat kepada pembaca untuk memahami dinamik keluarga dari perspektif pembangunan manusia, psikologi dan sosio perundangan. Keunikan buku ini dapat dilihat daripada perkongsian dapatan kajian sosial yang dijalankan penulis dan digabung jalin dengan teori yang berkaitan bagi menjelaskan topik yang dibincangkan. Perbincangan yang komprehensif ini berpotensi dijadikan asas rujukan kepada pembinaan dasar dan pelan tindakan pembangunan modal insan negara.

## SINOPSIS BUKU




### **Memahami Remaja Dalam Membina Ketamadunan Masyarakat**

Serdang, Selangor: Penerbit  
Universiti Putra Malaysia, 2020.  
ISBN: 9789673449804

Memahami Remaja Dalam Membina Ketamadunan Masyarakat merupakan sebuah naskhah yang membawa pembaca kepada pembacaan yang menyeluruh perihal dunia keremajaan seorang anak muda yang merupakan tunjang harapan negara dalam meneruskan kelestarian negara merdeka pada masa hadapan. Naskhah ini dimulakan dengan merungkai secara ringkas fasa kehidupan remaja yang meliputi pembentukan sikap, tingkah laku dan konsep kendiri remaja. Seterusnya, pergolakan dunia remaja yang diikuti dengan pembentangan beberapa hasil kajian yang menyentuh pelbagai aspek cabaran yang dihadapi oleh para remaja samada di sekolah, dalam masyarakat mahupun dalam lingkungan keluarga mereka sendiri. Melalui naskhah ini, pembaca diajak untuk menganalisis cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dan remaja itu sendiri dengan mengaitkan secara langsung beberapa teori yang berkaitan. Penyampaian buku ini cuba disesuaikan kepada semua peringkat pembaca agar dapat dimanfaatkan oleh anggota masyarakat seperti ibu bapa, pendidik dan rakan sebaya dalam memahami dan merancang tindakan berkaitan remaja.


## SINOPSIS BUKU



ABU MUHAMMAD NUKMAN MUQRIN  
**3000 Nama-Nama Indah : Tips Amalan Ibu Mengandung & Pedoman Melahirkan Anak Pintar**  
Johor Bahru: Pustaka Azhar, 2019.  
ISBN: 9789670934549

Buku ini menghimpunkan nama-nama indah sebagai panduan kepada ibu bapa yang bakal menyambut kelahiran cahaya mata. Menamakan anak yang bakal lahir dengan nama yang indah dan baik adalah menjadi kewajipan kepada setiap ibu bapa. Memberi nama kepada cahaya mata kita adalah antara proses pendidikan yang tidak sewajarnya diabaikan. Apabila nama yang dipanggil kepada si anak itu baik, maka kita mengharapkan dia menjadi insan yang cemerlang dan berjaya di dunia dan akhirat. Berdasarkan inilah mendorong penulis menyusun buku '**3000 Nama-Nama Indah : Tips Amalan Ibu Mengandung & Pedoman Melahirkan Anak Pintar**'. Dalam buku ini bukan sahaja disenaraikan nama-nama indah untuk anak-anak yang bakal dilahirkan, bahkan diselitkan juga beberapa panduan khusus untuk ibu-ibu yang sedang mengandung serta panduan untuk ibu bapa untuk melahir dan membentuk anak-anak menjadi pintar.


## SINOPSIS BUKU



**Islam Dan Mata Wang Kripto**  
Kuala Lumpur: Penerbit Institut  
Kefahaman Islam Malaysia  
(IKIM), 2020.  
ISBN: 9789832718802

Kemunculan mata wang kripto mengubah ekosistem kewangan dunia. Mata wang ini bukan sahaja berpotensi menjadi alternatif kepada sistem kewangan sedia ada, malah mampu menggugat ekonomi, sosial, teknologi, perundangan dan bidang-bidang lain. Persoalan asas yang perlu disingkap adalah tentang kemampuannya menjadi perantara urusniaga, serta tanda ukur dan penyimpan nilai secara stabil dan adil dalam menjalankan fungsinya sebagai mata wang. Mengenali, memahami dan menguasai jenis, sifat dan fungsi wang ini merupakan satu kemestian. Buku ini memperkenal mata wang kripto serta meneroka impak ekonomi, pendirian Islam dan kemampuan teknologi digital kepada kehidupan.

## SINOPSIS BUKU



MOHD. ADI AMZAR MUHAMMAD  
NAAWWI  
**Pengenalan Gagasan Sastera  
Islami Dunia Arab dan Alam  
Melayu**  
Serdang, Selangor: Penerbit  
Universiti Putra Malaysia, 2019.  
ISBN: 9789673449545

Buku ini secara umumnya memperihalkan tentang pengenalan konsep gagasan sastera Islami di dunia Arab dan juga alam Melayu yang tidak kurang pentingnya bagi penggiat ilmuwan dalam bidang kesusasteraan untuk menekuninya secara mendalam dan tuntas. Umum mengetahui kebanjiran konsep, fahaman dan idealisme kesusasteraan yang berpaksikan Barat. Sejak dari dahulu lagi, memperlihatkan penguasaan idealisme tersebut dalam kerangka penulisan dan pengkaryaan dalam kebanyakan karya kesusasteraan di peringkat global. Hasilnya kebanyakan karya yang didapati di pasaran dilumati dengan fahaman dan idealisme yang bercanggah dengan Islam. Oleh yang demikian, bagi mengimbangi idealisme yang datang dari Barat, maka konsep gagasan sastera Islam ditampilkan bagi menyediakan alternatif dan panduan kepada penulis muslim untuk menghasilkan output kepengarangan yang berjiwa Islam dan berintikan iman.


## SINOPSIS BUKU



MAZLAN ISMAIL  
**Kbat Strategi dan Pelaksanaannya**  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.  
ISBN: 9789834922054

Buku ini menghuraikan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang meliputi strategi dan pelaksanaanya di dalam bilik darjah. Penulis banyak mengambil contoh berkisar pembelajaran Bahasa Melayu namun ianya tetap boleh disesuaikan kepada mata pelajaran lain. Buku ini telah dipecahkan kepada tiga elemen utama, iaitu KBAT dalam kurikulum, pentaksiran dan pedagogi, manakala empat elemen sokongan pula termasuk pelaksanaan KBAT dalam bina upaya, sumber, kokurikulum dan transformasi dalam pendidikan agar dapat melahirkan murid yang berdaya saing pada peringkat global dan mampu melaksanakan inovasi serta menyelesaikan masalah melalui pemikiran aras tinggi. Menjadi visi Kementerian Pendidikan untuk bukan sahaja melahirkan murid yang mampu meluahkan kembali apa-apa yang diajarkan dalam bentuk peperiksaan. Kaedah pembelajaran dan pengajaran tradisional dilihat tidak lagi relevan dengan perkembangan dunia kini dengan ledakan maklumat yang bergerak sangat pantas. Justeru untuk melahirkan generasi muda yang mampu bersaing dengan dunia masa kini, kita perlu menyediakan sistem pendidikan yang mantap sebagai keperluan asas ke arah perubahan dan perkembangan tersebut.


## SINOPSIS BUKU



**HANA HANIFAH**  
**Kenal, Dekat, Akhirnya Jatuh Cinta Pada Al-Quran :**  
**Menemukan Kedahsyatan Al-Quran Dalam Hati Agar Hidup Lebih Bermakna**  
Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd, 2019.  
ISBN: 9789674393366

Buku ini mengisahkan kisah pengalaman penulis dalam memperbaiki hubungan dengan al-Quran. Penulis bercerita mengenai matlamat utama kehidupan termasuklah cinta sejati, puas mencari namun jiwa tetap masih merasa kosong. Akhirnya penulis dibukakan pintu hati untuk mula mengenal al-Quran. Perkenalan akhirnya mengubah diri beliau, luaran dan dalaman. Kehidupan mula terasa berjumpa hala tuju yang jelas. Proses membina hubungan dengan al-Quran tidak terjalin dalam masa sehari dua namun memakan masa berminggu-minggu, berbulan-bulan malahan bertahun-tahun. Naskhah ini memberi tips dan panduan kepada pembaca bagaimana membina rutin dengan al-Quran. Antaranya adalah mewujudkan rasa cinta dengan al-Quran. Selain itu, cuba paksa diri untuk mencari masa bagi membaca al-Quran. Sebaik-baiknya kita boleh bangun awal satu jam sebelum subuh untuk membaca al-Quran. Benarlah al-Quran itu mukjizat yang boleh membuat pembacanya berasa gembira dan tenang.


## SINOPSIS BUKU



**77 Ciptaan & Inovasi Agung  
Ilmuwan Islam Yang  
Mengubah Dunia**  
Batu Caves, Selangor: PTS  
Publishing, 2020.  
ISBN: 9789674814335

Buku ini akan membawa pembaca untuk sama-sama melalui penjelajahan merentasi masa, dari zaman permulaan empayar Islam sehingga zaman keemasan dan selepasnya. Buku ini merupakan terjemahan daripada buku *Islamic Inventions that changed the world*. Ketika kebanyakkan dunia masih membangun dan mencipta teknologi bagi memudahkan kehidupan seharian masyarakat, dunia Islam telah berkembang pesat dengan sumbangan oleh nama-nama tokoh cendekiawan seperti Ziryab, Ibn al-Haytham dan Ismail al-Jazari. Mereka dan ramai lagi cendekiawan Islam menyumbangkan kemahiran dan ilmu pengetahuan masing-masing, mencipta pelbagai rekaan yang mengubah perjalanan dunia buat selama-lamanya. Buku ini menghidangkan pembaca dengan kidah-kisah manusia yang mencipta sejarah menerusi ciptaan peralatan inovatif yang membawa revolusi di dunia dan terus mengubah cara manusia berfikir. Tamadun Islam kuno meninggalkan pengaruh yang cukup besar kepada kita dan buku ini meraikan cendiakawan muslim dan sumbangan mereka kepada dunia.

## SINOPSIS BUKU



MOHD AL ADZHA JOHAR  
**Labur Untuk Laba: Fokus Lubuk Saham Syariah Amerika**

Seri Kembangan, Selangor:  
NICODE Resources, 2020.  
ISBN: 9789671797204

Buku ini lahir daripada cetusan idea penulis bahawa segala yang berkaitan pelaburan syariah AS perlu didokumentasikan kepada umum untuk dijadikan rujukan dan panduan untuk generasi akan datang. Penulis buku ini merupakan seorang remisier yang berpengalaman di Affinwang Capital. Inisiatif untuk membukukan *tacit knowledge* beliau dalam bentuk buku harus diberi kredit untuk tatapan anak bangsa suatu hari nanti. Buku ini menerangkan serba sedikit mengenai dunia pelaburan saham patuh syariah. Penulis menerangkan lanjut mengenai bagaimana cara mengenal pasaran saham patuh syariah AS, Saham patuh syariah AS dan elemen menjana wang. Selain itu, penulis turut mendedahkan bagaimana untuk mengenal pasti saham syarikat yang berpotensi dan bagaimana kaedah untuk membuat duit dengannya. Penulis turut berkongsi kepada masyarakat umum bagaimana kita boleh membuat pelaburan dan menjana keuntungan daripada saham luar negara tanpa perlu ke luar negara pun. Buku ini dikeluarkan pada masa yang tepat untuk memperbanyak pelabur gaya rentas sempadan dan dalam masa yang sama masyarakat harus didik dengan kefahaman yang betul daripada sumber rujukan maklumat yang tepat.

## SINOPSIS BUKU



ROZAINI ZAKARIA  
**Kegembiraan Dalam Mengelola Masalah**  
Sungai Petani, Kedah: Maahad Khalifah An Nur, 2020.  
ISBN: 9789671837719

Akhir-akhir ini kita sering mendengar tentang berbagai masalah dan tekanan hidup yang menyebabkan keruntuhan sebuah rumah tangga, pertengkarannya dengan saudara, tetangga, teman dan sebagainya. Kehidupan di zaman ini semakin terdedah terhadap pengaruh luar melalui penggunaan media massa dan teknologi komunikasi yang semakin maju menjadikan kehidupan manusia semakin rumit dan kompleks. Memang setiap penyakit yang Allah ciptakan pasti ada ubatnya bagi manusia. Dalam hal ini Allah menurunkan masalah atau ujian, pasti ada cara dan teknik untuk mengatasi masalah tersebut. Selagi kita hidup, kita tidak dapat lari daripada menghadapi masalah dan tekanan hidup. Buku ini ditulis secara terperinci mengenai penyebab sesuatu masalah dan impaknya terhadap kehidupan seseorang. Kita akan belajar mengendalikan amarah, kesedihan dan stress agar ia lebih terarah kepada emosi yang lebih positif dan hati yang ceria. Buku ini juga mengajarkan kepada pembaca bukan hanya untuk menyelesaikan masalah sendiri tetapi juga sama-sama membantu orang di sekeliling untuk sama menyelesaikan masalah mereka.